

# **SLOT PENGUCAPAN AWAM DALAM KURSUS PENGURUSAN ORGANISASI JAWATANKUASA PERWAKILAN PELAJAR INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS ILMU KHAS : KEPENTINGAN DAN CADANGAN**

*Maizatul Suraya binti Muhammad Nor, Mustapha Kamal bin Ahmad Kassim (PhD), Abd Hameed bin  
Abd Majid (PhD)& Zahiah binti Haris @ Harith (PhD)  
Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas  
suraya@ipgkik.edu.my*

## ***Abstrak***

*Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kepentingan dan cadangan untuk meningkatkan kualiti slot pengucapan awam dalam Kursus Pengurusan Organisasi Jawatankuasa Perwakilan Pelajar Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas. Kajian ini melibatkan temu bual seramai enam orang Ahli Jawatankuasa Perwakilan Pelajar yang terdiri daripada tiga orang lelaki dan tiga orang perempuan yang melibatkan pelbagai latar belakang kaum. Mereka merupakan Ahli Jawatankuasa Perwakilan Pelajar bagi sesi 2018/2019. Data dianalisis secara kualitatif dengan menggunakan kaedah kajian kes. Kajian ini memberi fokus kepada dua objektif kajian iaitu kepentingan slot pengucapan awam dalam Kursus Pengurusan Organisasi dan cadangan untuk meningkatkan kualiti slot pengucapan awam dalam Kursus Pengurusan Organisasi. Dapatan kajian mendapati terdapat lima kepentingan slot pengucapan awam dalam Kursus Pengurusan Organisasi kepada Jawatankuasa Perwakilan Pelajar di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas iaitu yang pertama dapat membantu Jawatankuasa Perwakilan Pelajar untuk mengendalikan sebarang program. Kepentingan kedua membantu meningkatkan kemahiran pembentangan di dalam kelas. Manakala, kepentingan ketiga pula dapat membantu peserta membina dan menyusun ayat dengan baik. Seterusnya, kepentingan keempat sebagai nilai tambah apabila perlu berhadapan dengan penemuduga. Kepentingan slot pengucapan yang terakhir iaitu kelima dalam Kursus Pengurusan Organisasi ialah membantu apabila berada disekolah. Manakala, terdapat enam cadangan untuk meningkatkan kualiti slot pengucapan awam dalam Kursus Pengurusan Organisasi, Jawatankuasa Perwakilan Pelajar, Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas iaitu, setiap slot dalam Kursus Pengurusan Organisasi diselitkan dengan aktiviti pengucapan awam daripada pelajar. Seterusnya, bagi cadangan kedua ialah membuat forum pengucapan awam, manakala bagi cadangan ketiga ialah slot pengucapan awam tidak dilakukan secara formal. Bagi cadangan keempat pula peserta kajian mencadangkan agar aktiviti kumpulan dalam slot pengucapan awam dilakukan. Seterusnya ialah boleh diisi dengan aktiviti permainan dan menyediakan hadiah kepada pemenang. Selain itu, cadangan terakhir pula peserta mencadangkan agar membuat lawatan ke parlimen sebagai pelengkap slot pengucapan awam dalam Kursus Pengurusan Organisasi.*

Kata Kunci: Pengucapan Awam, Jawatankuasa Perwakilan Pelajar, Kursus Pengurusan Organisasi dan Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas.

### ***Abstract***

*This study aims at examining the importance of improving the quality public speaking slot in the Organizational Management Course for the Student Representative Council Committee of the Ilmu Khas Teacher Education Institute. It also looked into suggestions for improving the public speaking slot. This study involved a total of six members of the Student Representative Council. Three male and three female participants from various racial backgrounds were involved. They are Members of the Student Representative Council for the 2018/2019 session. Data were analyzed qualitatively by using the case study method. This study focuses on two objectives namely the importance of the public speaking slot in the Organizational Management Course and the suggestions to improve the quality of public speaking slots in the Organizational Management Course. The findings show that there are five reasons stated by participants on the benefits of the public speaking slot. The first being the public speaking slot helps the Student Representative Council members handle their programs. Secondly, it helps to improve presentation skills in the classroom. Thirdly, it helps participants develop and construct sentences well. The fourth benefit is that it adds value when dealing with an interviewer. The most important benefit is that it assists participants when in school. Meanwhile, there are six suggestions to improve the quality of the Public Speaking slot in the Organizational Management Course. Firstly, to have public speaking opportunity in each slot in the Organizational Management Course. Secondly, is to create a forum. Thirdly, the public speaking slot is not too rigidly done. Fourthly, the study participants suggested that grouping be included in the public speaking slot. The next suggestion is to have games and prizes for winners. Finally, participants suggested a visit to observe a parliamentary session to complement the public speaking slot in the Organizational Management Course.*

Keywords: Public Speaking, Students' Representative Committee, Organization and Management Course and Institute of Teacher Education Special Education Campus.